

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98

FEBRUARI 1998

RHS 508 - Pengurusan dan Kewangan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** mukasurat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. Jelaskan mengapa pihak kontraktor memerlukan polisi insurans sebelum sebarang pelaksanaan projek pembangunan dan apakah jenis-jenis polisi yang diperlukan?

(25 markah)

2. Jika pengurusan disifatkan sebagai 'common sense' mengapakah kita memerlukan pengurusan sebagai satu disiplin.

Beri **SATU** senario organisasi yang menitikberatkan persepsi dari persekitaran luar untuk mempengaruhi pengurusan yang berkesan.

(25 markah)

3. Huraikan perbezaan keupayaan di antara status 'Sendirian Berhad' dan "Awam Berhad" dalam mengekal saham untuk kemajuan dan pembangunan sesuatu syarikat.

(25 markah)

4. Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan 'Hak Milik Kekal' dan jelaskan bagaimana status ini boleh digunakan sebagai kriteria dalam pemasaran hartanah?

(25 markah)

...2/-

- 2 -

5. Masalah kelewatan dalam perbekalan perumahan boleh dikaitkan dengan faktor-faktor tertentu yang tercetus sebelum, semasa dan selepas sesuatu cadangan pembangunan perumahan dimulakan. Cadangkan langkah sesuai yang boleh diambil oleh pihak yang terlibat (sama ada pemaju, perunding, pihak berkuasa tempatan atau lain-lain) bagi mengatasi masalah berkenaan.

(25 markah)

6. Masalah ekonomi yang melanda negara pada masa ini menimbulkan kesan yang ketara ke atas Industri Perumahan dan Hartanah. Bincangkan kesan tersebut khususnya kepada sektor perumahan dan huraikan langkah-langkah sesuai yang boleh diambil oleh pihak pemaju bagi mengurangkannya.

(25 markah)

-ooo000ooo-